

## ABSTRAK

Kajian ini dilakukan bertujuan untuk melihat pandangan responden dari kalangan pelajar-pelajar Universiti Utara Malaysia mengenai isu keganasan dan ancaman keselamatan selepas peristiwa 11 September 2001 dan pandangan mereka terhadap langkah-langkah yang diambil oleh kerajaan untuk menangani isu tersebut. Untuk mencapai tujuan tersebut, kajian ini akan melihat pandangan secara umum mengenai isu-isu yang memberi ancaman kepada keselamatan negara, persepsi responden mengenai isu keganasan selepas 11 September 2001 dan pandangan responden mengenai langkah-langkah yang diambil oleh kerajaan untuk menangani isu berhubung dengan ancaman keganasan. Penemuan menunjukkan responden perihatin dan mengakui kewujudan isu keganasan sebagai satu bentuk ancaman kepada keselamatan negara dan majoriti mempunyai persepsi positif terhadap langkah-langkah yang diambil kerajaan untuk menangani masalah tersebut.